

MAHATHIR-PELABURAN

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 8.30 MALAM INI)

PETALING JAYA, 7 SEPT (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAM INI KERAJAAN DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIG AKAN TERUS MENEKANKAN TENTANG PELAKSANAAN KEMAJUAN YANG SECARA LANGSUNG AKAN MENGURANGKAN +KEMISKINAN+ DALAM USAHA MEMBOLEHKAN ORANG-PERSEORANGAN MENJIMATKAN PENDAPATAN MEREKA UNTUK PELABURAN.

SALAH SATU DARIPADA KAEDAH PELABURAN YANG PALING PERKESAN IALAH DENGAN MENERUSI SISTEM AMANAH SAHAM, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DI UPACARA PELANCARAN +TABUNG PELABURAN PERTAMA+ MIC DI SINI.

BELIAU BERKATA MENERUSI STRATEGI PEMBANGUNANNYA, KERAJAAN MEMPASTIKAN BAHAWA TABUNG PELABURAN SEPERTI TABUNG PELABURAN PERTAMA ITU AKAN MENGERAKKAN TABUNGAN GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA HASIL DARIPADA PENGUMUMAN KERAJAAN TERHADAP PENGURANGAN KADAR FAEDAH BAHARU-BAHARU INI, PELABURAN DALAM SYARIKAT-SYARIKAT AWAM TELAH BERTAMBAH DENGAN BANYAKNYA. — BERSAMBUNG 1830/1B

MAHATHIR-PELABURAN 2 PETALING JAYA (EMBARGO)

HAKIKAT INI TERBUKTI DARI HARGA SAHAM YANG SEMAKIN MENINGKAT, WALAUPUN HARGA TERSEBUT BELUM LAGI MENCAPI PARAS YANG TINGGI.

DATUK SERI MAHATHIR JUGA MENYATAKAN BAHAWA HARUSLAH SENTIASA DAN PERBEZAAN YANG ASAS ANTARA KEPENTINGAN POLIITIK DENGAN KEWANGAN DENGAN KEPENTINGAN KEWANGAN MENGATASI KEPENTINGAN POLITIK DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN.

+KONTROVERSI POLITIK, SEKIRANYA ADA, JANGANLAH MENJADI SATU UNSUR DALAM PENGURUSAN TABUNG BAGI SESUATU SISTEM TABUNG AMANAH,+ KATANYA.

TABUNG PELABURAN PERTAMA ADALAH HASIL SALAH SATU DARIPADA BEBERAPA SYUR YANG DILULUSKAN DI SATU SEMINAR KONGRES INDIA MALAYSIA YANG DIAKAN DALAM BULAN MEI, 1974.

MATLAMATNYA IALAH UNTUK MENAMBAHKAN LAGI PEMILIKAN EQUITI RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN INDIA DALAM HARTA BENDA PPRODUKTIF DI NEGARA INI. — BERSAMBUNG 1835/1B

SC

B609

MAHATHIR-PELABURAN 3 PETALING JAYA (EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGSIFATKAN TABUNG TERSEBUT SEBAGAI +STRATEGI KEDUA PENTINGNY+ YANG DIJALANKAN OLEH MASYARAKAT INDIA.

KATANYA YANG PERTAMA IALAH PENUBUHAN PERSATUAN KOPERATIF PEMBIAYAAN TANAH KEBANGSAAN DENGAN BANTUAN KEWANGAN AWAL SEBANYAK \$7.5 JUTA OLEH KERAJAAN.

SEJAK DITUBUHKAN DALA TAHUN 1960, PERSATUAN ITU TELAH MENDAPATKAN 17 BUAH LADANG SELUAS 29,000 EKAR DENGAN HARTA BERJUMLAH KIRA-KIRA \$50 JUTA.

BELIAU MENCADANGKAN TABUNG PELABURAN PERTAMA TIDAK HARUS TERBATAS KEPADA RAKYAT MALAYSIA KETURUNAN INDIA DARI GOLONGAN BERPENDAPATAN TINGG SAHAJA.

+TABUNG TERSEBUT HARUSLAH JUGA DITUMPUKAN TERHADAP GOLONGAN BERPENDAPAT RENDAH,+ KATANYA.

KALAU TIDAK, PELABURAN INI MUNGKIN AKAN MEMBURUKKAN LAGI KEADAAN YANG TIDAK SEIMBANG DARI SEGI PEMILIKAN EQUITI DAN PENDAPATAN DALAM MASYARAKAT TERSEBUT. — BERSAMBUNG 1840/1B

MAHATHIR-PELABURAN 4 PETALING JAYA (EMBARGO)

81

DATUK SERI MAHATHIR KEMUDIAN MENYERU PENGURUS TABUNG ITU SUPAYA +MENGESAN KUMPULAN MISKIN+ INI DI MANA PERWAKILAN DARI MASYARAKAT INDIA INI ADALAH BERMAKNA DAN CUBA MENGGERAKKAN TABUNGAN MEREKA UNTUK PELABURAN YANG PRODUKTIF.

+INI MERUPAKAN STU-SATUNYA CARA BERKESAN YANG MEMBOLEHKAN TABUNG PELABURAN ITU MEMBERI SUMBANGAN TERHADAP USAHA MENGHAPUSKAN KEMISKINAN DESA DAN BANDAR DI KALANGAN MASYARAKAT DI NEGARA INI,+ KATANYA.

MENERUSI USAHA INI JUGA, TABUNG TERSEBUT AKAN MEMBERI SUMBANGAN BERMAKNA KEPADA MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU - MENGURANGKAN KEMISKINAN DARI 50 PERATUS SEKARANG KEPADA 29 PERATUS MENJELANG TAHUN 1990.

BELIAU BERKATA DASAR EKONOMI BARU TELAH MENYATAKAN DENGAN JELASNYA BAHAWA HAKMILIK HARTA YANG PRODUKTIF AKAN DITENTUKAN MENERUSI PERTUMBUHAN.

+INI MENGGUNAKAN SATU STRATIGI BERDASARKAN KEPADA KEUPAYAAN KUMPULAN-KUMPULAN DALAM EKONOMI UNTUK MENGGERAKKAN TABUNGAN MEREKA BAGI PELABURAN DALAM SATU EKONOMI YANG KIAN BERKEMBANG,+ KATANYA.

BELIAU MENINGATKAN BAHAWA TIDAK TIMBUL SEBARANG SEKATAN TERHADAP PEMILIKIAN HARTA PRODUKTIF OLEH MANA-MANA KUMPULAN ATAU MASYARAKAT ITU SENDIRI DALAM USAHA HENDAK MEMBAIKI KEBAJIKAN MEREKA. -- BERNAMA 1845/1B

MAHATHIR - PELABURAN 5 PETALING JAYA

SEBELUM ITU, MENTERI PERHUBUNGAN, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM BERKATA AMANAH SAHAM MIC TELAH DITUBUHKAN SEBAGAI SUMBANGAN MIC TERHADAP PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA DAN PENCAPAIAN MATLAMAT DASAR EKONOMI BARU.

BELIAU BERKATA IA MERUPAKAN ALAT UNTUK MENGUMPULKAN TABUNGAN RAKYAT DARI SEGENAP LAPISAN HIDUP RAKYAT MALAYSIA DAN MENYALURKANNYA KE DALAM PELABURAN PRODUKTIF DALAM EKONOMI MALAYSIA.

TAN SRI MANICKAVASAGAM YANG JUGA PRESIDEN MIC, BERKATA MIC BERUSAHA MELAKSANAKAN RANCANGAN ASAS JANGKA PANJANGNYA YANG TELAH MENGATUR LANGKAH-LANGKAH BAGI MENGATASI KELEMAHAN MASYARAKAT INDIA.

MENYENTUH TENTANG KOPERATIF NESA YANG TELAH DITUBUHKAN TIGA TAHUN LALU, BELIAU BERKATA KIRA-KIRA 15,000 ORANG AHLI TELAH DAPAT DITARIK DENGAN MODAL HAMPİR \$3 JUTA. - BERNAMA 1945/BW